

Kunjungan hormat ini telah disambut baik oleh Tuan Haji Noran Bin Sharif, Pengarah JPBD, Kedah yang mengalu-alukan kehadiran NCRC yang telah membawa bersama Felo Penyelidik yang merupakan seorang pakar Geographical Information System dari India dimana ianya telah memberi peluang kepada beliau untuk bertukar-tukar pandangan dari segi amalan Analisis Geospacial di India yang dikatakan lebih maju ke hadapan. Dalam perbincangan ini juga beberapa persetujuan awal telah diperolehi iaitu dari segi perkonsian maklumat dan data bagi projek Analisis Geospacial yang sedang diusahakan oleh pihak NCRC serta beberapa perkara lain yang boleh membawa manfaat bersama di antara kedua-dua Jabatan.

Kunjungan hormat ini adalah bagi tujuan pemantapan hubungan luar NCRC sebagai salah sebuah pusat tanggungjawab di UUM yang memfokus kepada Pembangunan Sosio-ekonomi, menyediakan khidmat pakar yang bertindak sebagai panel penasihat kepada kerajaan negeri di bawah NCER serta memberikan kerjasama dengan agensi kerajaan negeri dan pusat dalam menjalankan penyelidikan dan perundingan.

Sesi perbincangan diteruskan lagi bersama pegawai-pegawai JPBD, yang terdiri daripada, En Kamardin Nayan, Ketua Penolong Pengarah Perancang 1, Bahagian Kawalan Perancangan dan Tanah Kerajaan; En. Raja Shamsul Nizam, Penolong Pengarah, Unit Projek Khas; En. Abdul Hadi Hamid, Penolong Pengarah, Unit Urusetia Jawatankuasa Perancangan Negeri dan Pn. Shadrah Taib, Penolong Pegawai Perancang, Unit GIS dan Bank Data. Hasil daripada perbincangan ini telah membuka ruang kepada pihak NCRC untuk memperolehi data dan maklumat yang terdapat di JPBD yang mana ianya amat membantu dalam memulakan projek GIS.

Kunjungan hormat ini telah diakhiri dengan ucapan berbanyak terima kasih oleh Pengarah NCRC kepada pihak JPBD berserta dengan pemberian cenderahati sebagai simbolik kepada satu permulaan hubungan baik di antara pihak NCRC dengan pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Negeri Kedah.

Habis.

=====

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

Level 2, Economic Building, College of Business (UUM COB)

Universiti Utara Malaysia

06010, UUM Sintok, Kedah Darul Aman

Tel : +604-928 3653/ 4661 (Pej. Am)

Faks : +604-928 3647